

Majlis perjumpaan semula bekas pelajar MSAB selepas 44 tahun

# PERTEMUAN GAMBIT MEMORI

## RENCANA

Nor Hanisah Kamaruzaman  
rencana@hmetro.com.my

**Terharu** dan menggamit memori. Itulah yang dirasakan bekas pelajar Maktab Sultan Abu Bakar (MSAB), Johor Bahru, ketika bertemu semula di Hotel Royale Bintang The Curve, Petaling Jaya, baru-baru ini.

Seramai 60 bekas pelajar MSAB yang dulunya dikenali sebagai English College Johor Bahru sesi 1968 hingga 1972 menyertai sesi perjumpaan semula itu.

Ramai antara sudah tidak berjumpa lebih 44 tahun selepas meninggalkan alam

persekolahan.

Penyelaras program Datuk Ahmad Murad Omar, 60, berkata kali terakhir mereka bertemu ialah selepas sesi persekolahan kerana selepas itu membawa haluan masing-masing.

“Sejak itu, kami sukar bertemu dan berkumpul. Kadangkala hanya bertemu di majlis perkahwinan anak masing-masing tapi bilangannya kecil kerana hanya beberapa orang yang dapat turut serta.

“Selepas 44 tahun, kami nekad merancang bertemu dan mengadakan perjumpaan seperti ini,” katanya.

Ahmad Murad berharap persahabatan yang terbina lebih 40 tahun lalu terus kekal dan semangat perpaduan tanpa mengira bangsa serta agama itu akan menjadi contoh kepada generasi muda.

HARIAN METRO (BESTARI) 26 SEPT 2016 m/s 3

FOTO: MUHAMMAD ASYRAF SAWAL



SERAMAI 60 bekas pelajar MSAB sesi 1968 hingga 1972 mengimbau kenangan zaman persekolahan dan persahabatan, baru-baru ini.

Sementara itu, Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim yang juga bekas pelajar MSAB berkata, perjumpaan itu sangat bermakna kerana dapat mengimbau kenangan sepanjang zaman persekolahan dulu.

“Hubungan ketika

sekolah dulu sangat akrab jadi kami tidak mahu ia terputus begitu saja selepas masing-masing tamat persekolahan, apatah lagi selepas memasuki usia persaraan.

“Jadi pertemuan ini diharap dapat terus mengeratkan silaturahmi sesama kami,” katanya.



ANTARA bekas pelajar yang sudah 44 tahun tidak berjumpa.